



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIA SHIPPING NOTICE

NPM 08 / 2013
MSN 08 / 2013

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-33467777

Fax: 03-3168 5289, 3165 2882 E-mail: kpgr@marine.gov.my

<http://www.marine.gov.my>

**PIAWAIAN SIJIL PEMERIKSAAN PERUBATAN DIBAWAH KONVENSYEN ANTARABANGSA
STCW 78 SEPERTI DI PINDA DAN MLC 2006**

**STANDARD OF MEDICAL EXAMINATION CERTIFICATES IN ACCORDANCE WITH
INTERNATIONAL CONVENTION ON STCW 78 AS AMENDED AND MLC 2006**

Pemakluman kepada pengamal perubatan, pejabat pelabuhan, pemilik kapal, nakhoda, pegawai-pegawai kapal, krew kapal dan Institut latihan maritim

Notice to medical practitioners, port offices, ship owners, masters, ship officers, ship crews and maritime training institutes

Konvensyen STCW dan Kod, melalui Peraturan I/9, menetapkan setiap 'Party' kepada Konvensyen perlu memastikan Sijil Pemeriksaan Perubatan yang dikeluarkan kepada pelaut mematuhi peruntukan dibawah seksyen A-I/9 Kod STCW.

2. Ini adalah bagi memastikan bahawa setiap pelaut yang ingin berkhidmat diatas kapal adalah layak dan mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan dibawah seksyen A-I/9 Kod STCW dan Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Pemeriksaan Perubatan) 1999 dan MLC 2006.

3. Oleh itu Jabatan Laut Malaysia menetapkan perkara berikut :

3.1 Sahlaku Sijil Pemeriksaan Perubatan bagi pelaut Malaysia berumur bawah 18 tahun adalah satu (1) tahun.

3.2 Sahlaku Sijil Pemeriksaan Perubatan bagi pelaut Malaysia berumur 18 tahun keatas adalah dua (2) tahun.

3.3 Bermula 01 Ogos 2013, Sijil Pemeriksaan Perubatan sedia ada yang mempunyai tempoh sahlaku melebihi dua (2) tahun akan dipinda kepada dua (2) tahun sahaja.

3.4 Ujian penglihatan warna dilaksanakan dengan menggunakan kepingan warna yang keliru. (Ishihara)

4. Sekiranya Sijil Pemeriksaan Perubatan pelaut tamat tempoh semasa perkhidmatan diatas kapal, Jabatan Laut membenarkan lanjutan tempoh sahlaku sehingga ke pelabuhan berikutnya tetapi tidak melebihi tiga (3) bulan.

The STCW Convention and Codes, vide Regulation I/9 prescribes that each Party to the Convention ensure that Medical Certificates issued to seafarers shall fully comply with the provisions of Section A-I/9 STCW Code.

2. *This is to ensure that every seafarer who intends to serve onboard ships are qualified and fulfills the provisions which has been prescribed under Section A-I/9 STCW Code, Merchant Shipping (Medical Examinations) Rules 1999 as amended and the Maritime Labour Convention 2006.*

3. *Therefore Malaysia Marine Department prescribes the following:*

3.1 *Medical Examination Certificate for Malaysian seafarers below 18 years of age is valid for one (1) year.*

3.2 *Medical Examination Certificate for Malaysian seafarers above 18 years of age is valid for two (2) years.*

3.3 *Effective from 01st August 2013, all existing Medical Examination Certificates with a validity period exceeding two (2) years will be deemed to be amended to two (2) years only.*

3.4 *Colour vision shall be tested by colour confusion plates (Ishihara)*

4. *If a seafarer's medical certificate expires whilst serving on a ship, the validity of the said certificate shall be deemed extended until the next Port of Call but not more than three (3) months.*

5. Disamping itu, Jabatan Laut Malaysia selaras dengan 'Maritime Labour Convention 2006', menetapkan setiap kapal dagang perlu mempunyai Perakuan Pemeriksaan untuk "Medicine Chest" yang dikeluarkan oleh Ahli Farmasi yang berdaftar atau Pengamal Perubatan yang berdaftar. Tempoh Sah Laku untuk Perakuan Pemeriksaan ini tidak lebih dari satu (1) tahun.

5. In conforming with the Maritime Labour Convention 2006, Marine Department Malaysia requires that ships shall possess a Certificate of Inspection for "Medicine Chest" issued by a registered Pharmacist or a Registered Medical Practitioner. The validity of the said certificate of inspection shall not exceed one (1) year.

Ketua Pengarah Laut / Director General of Marine

Tarikh / Date : 13 SEPTEMBER 2013